

# KURSUS SIMPANAN DAN KREDIT PERTUBUHAN PELADANG

## Tuntutan Hutang Melalui Proses Timbangtara Dan Mahkamah



Disediakan dan Disampaikan Oleh

Mohd Hanid Bin Abdullah Sani  
Ketua Cawangan Undang-undang  
Urusetia Ketua Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang

# Tujuan

- Memberi kesedaran kepada Pengurusan PP bahawa adalah menjadi tugas dan tanggungjawab AJP dan Pengurusan untuk menuntut hutang Ahli dan Bukan Ahli Pertubuhan Peladang.
- Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan keupayaan anggota di PP dalam melaksanakan proses timbangtara dan mengambil tindakan Mahkamah dalam menuntut hutang ahli dan bukan Ahli kepada PP di Pertubuhan Peladang.



## 2. Fungsi Undang-undang

- i. Mengawal tindakan manusia
- ii. Mengawas
- iii. Memberi balasan/ Menghukum
- iv. Menentukan keseragaman tindakan
- v. Memberi panduan
- vi. Melindungi nyawa, maruah, harta, agama, Negara, makhluk tertentu.



### **3. Jenis Badan Perniagaan Di Malaysia.**


- i) **Perniagaan Pemilikan Tunggal.** (Didaftar oleh Pendaftar Perniagaan Contoh: Kasim Baba Enterprais, Restoran Kual, Perniagaan Tong Aik.
- ii) **Perkongsian.** (Didaftar oleh Pendaftar Perniagaan) Contoh: Hj. Bakhil and Menantu, Mubaruk and Sons.
- iii) **Syarikat Sendirian Berhad.** (Didaftar oleh Pendaftar Syarikat . Contoh : Celcom (M) Sdn Bhd, Lee Wat Yuu Sdn. Bhd.
- iv) **Syarikat Berhad.**(Didaftar oleh Pendaftar Syarikat) Contoh: Malayan Banking Berhad, Bumiputra-Commerce Bank Berhad.

*(sambungan)*

## **Jenis Badan Badan Perniagaan Di Malaysia.**

- v. Koperasi.** (Didaftar oleh Ketua Pendaftar Koperasi) contoh Koperasi Kakitangan Kerajaan Berhad. MOCCIS.
- vi. Pertubuhan Peladang.** Didaftar oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang Contoh: PPK Lawas , PPK Sarikei, PPN Sarawak, PP Kebangsaan
- vii. Badan yang Diperundangkan.** Diwujudkan oleh Akta/ Ordinan. Contoh : Bank rakyat, Perbadanan Kemajuan Negeri, Petronas, Tabung Haji.
- viii. Perkhidmatan Profesional.** Didaftar oleh Persatuan Masing-masing. Contoh : Peguam, Doktor, Arkitek, Jurunilai.

# 4. ELEMENTS IN CORPORATE GOVERNANCE



Setiap Elemen Menjurus Kepada Kecekapan & Keberkesanan Output

# PUNCA KUASA DALAM MEMBERI PINJAMAN/ JUALAN KREDIT

1. **Seksyen 6 Akta PP 1973**
2. **Peraturan 58(1) Peraturan PP 1983**
3. **Perkara 7 (e) dan 8 Perlembagaan PPK**
4. **PP 8/84 – 12 Mac 1984 Kertas Panduan Bagi Tindakan Ke Atas Siberhutang Perniagaan Bukan Ahli**
5. **PP 10/84 – 12 Mac 1984- Panduan Penyelesaian Pertikaian Di Pertubuhan Peladang.**
6. **PP 14/84 – 29 September 1984 – Panduan bagi Penjualan secara Kredit Untuk PPK**

## 5. PUNCA KUASA DALAM AKTA PP 1973 MEMBERI PERKHIDMATAN DAN KREDIT DI PP

Seksyen 6(1) Sesuatu Pertubuhan Peladang boleh dibentuk dengan tujuan untuk memajukan kepentingan-kepentingan ekonomi dan sosial **ahli-ahlinya** atau kebajikan **ahli-ahlinya** atau **unit-unit ahlinya** dan hendaklah mempunyai kuasa bagi melakukan segala perkara yang perlu untuk mencapai tujuan-tujuan itu, dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan perkara yang tersebut di atas, ia hendaklah mempunyai kuasa

(e) bagi mengadakan kemudahan-kemudahan dan **perkhidmatan-perkhidmatan kredit** dan bagi memajukan pelaburan yang lebih besar dalam bidang-bidang pertanian dan ekonomi;

(f) bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menawarkan perkhidmatan bagi **simpanan wang luar bandar**;



## 6. PUNCA KUASA DALAM PERATURAN PP 1983

### MEMBERI PERKHIDMATAN DAN KREDIT DI PP

58. (1) Sesuatu Pertubuhan Peladang **tidak boleh** membuat apa-apa pinjaman kepada mana-mana orang **selain** daripada seorang ahli atau unit-ahli; tetapi ia boleh membuat pinjaman kepada pekerja-pekerjanya mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah.

(2) Tertakluk kepada apa-apa had yang boleh dikenakan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa atas kuasa-kuasa meminjamnya yang maksimum dan kadar faedah maksimum yang kena dibayar atas pinjaman-pinjamannya, **sesuatu Pertubuhan Peladang boleh meminjam wang** daripada ahli-ahli dan bukan ahli untuk digunakan dalam urusannya.



## 7. SYARAT-SYARAT MEMBERI PERKHIDMATAN

### Perkara 8 Perlembagaan PP

Segala aktiviti-aktiviti perkhidmatan Pertubuhan ini akan **dihadkan untuk ahli-ahli Pertubuhan ini sahaja**. Sebaliknya dengan **persetujuan Pendaftar**, perkhidmatan-perkhidmatan khas boleh diberi kepada orang-orang yang bukan ahli dengan dikenakan komisyen yang ditetapkan oleh Pertubuhan ini

(PP 8/84 – 12 Mac 1984 Kertas Panduan Bagi Tindakan Ke Atas Siberhutang Perniagaan Bukan Ahli)

## 8. PUNCA KUASA TIMBANGTARA DI BAWAH UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG

### 8.1 Seksyen 17 Akta PP,

(a) Jika sesuatu pertikaian yang menyetuh urusan sesuatu Pertubuhan Peladang berbangkit

(i) di kalangan ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli dan orang yang menuntut melalui ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli dan ahli yang sudah mati; atau

(ii) di antara seorang ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli atau orang yang menuntut melalui seorang ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli atau ahli yang sudah mati dengan Pertubuhan Peladang itu atau Jemaah Pengarahnya; atau

(iii) di antara Pertubuhan Peladang itu dengan sesuatu Pertubuhan Peladang yang lain;

pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusan.

( PP 10/84 – 12 Mac 1984- Panduan Penyelesaian Pertikaian Di Pertubuhan Peladang. )

(b) Sesuatu tuntutan oleh mana-mana Pertubuhan Peladang **bagi sesuatu hutang atau tuntutan yang kena dibayar** kepadanya oleh seseorang ahli, unit ahli, bekas ahli, bekas unit ahli atau orang yang dinamakan, waris atau wakil di sisi undang-undang bagi seseorang ahli yang sudah mati atau pelikuidasi bagi sesuatu unit ahli yang dibubarkan atau sesuatu tuntutan oleh Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih tinggi bagi sesuatu hutang atau tuntutan yang kena dibayar oleh Pertubuhan Peladang peringkat yang lebih rendah **hendaklah disifatkan sebagai suatu pertikaian yang menyentuh urusan Pertubuhan Peladang itu.**

(2) Pendaftar boleh, apabila menerima sesuatu rujukan di bawah seksyen-kecil (1) -

(a) memutuskan pertikaian itu dengan sendiri; atau merujukkannya untuk diselesaikan kepada penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara.

(3) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Pendaftar atau penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara di bawah seksyen- Kecil (2) hendaklah **terletak ke atas Menteri** dan hendaklah dibuat dalam **tempoh dua bulan** dari tarikh keputusan itu.

(4) Suatu keputusan Menteri dalam sesuatu rayuan di bawah seksyen-kecil (3) adalah **muktamad** dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(5) Sesuatu keputusan Pendaftar atau penimbangtara-penimbantara di bawah seksyen-kecil (2) atau, jika ada sesuatu rayuan terhadapnya, keputusan sebagaimana disahkan atau diubah oleh Menteri, hendaklah **dikuatkuasa mengikut cara yang sama seolah-olah keputusan itu adalah suatu hukuman Mahkamah Sesyen.**



## Seksyen 18

- (1) Walau apapun yang terkandung dalam seksyen 17 Menteri boleh, pada bila-bila masa apabila sesuatu rayuan telah dirujuk kepada di bawah seksyen itu, merujuk apa-apa soal undang-undang yang berbangkit dalam perjalanan pembicaraan yang berkaitan dengan rayuan itu bagi pendapat Mahkamah Tinggi.
- (2) Mahkamah Tinggi hendaklah mendengar dan memutuskan soal undang-undang yang dirujuk sedemikian.



## 8.2 PERATURAN –PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG 1983

68. (1) Jika sesuatu pertikaian mengenai urusan sesuatu Pertubuhan Peladang berbangkit, mana-mana pihak yang dinyatakan dalam seksyen 17 (1) (a) (i) hingga (iii) Akta hendaklah merujukkan pertikaian itu kepada Pendaftar.
- (2) Tiap-tiap perujukan di bawah subperaturan (1) hendaklah—
- (a) secara bertulis;
  - (b) menentukan pertikaian;
  - (c) menyatakan butir-butir penuh pertikaian itu; dan
  - (d) ditandatangani dan diberi tarikh oleh pihak yang membuat perujukan itu.
- (3) Pendaftar boleh menghendaki pihak yang merujukkan sesuatu pertikaian di bawah subperaturan (1) supaya mendepositkan dengannya sesuatu jumlah wang sebagaimana perlu untuk menampung kos-kos bagi memutuskan pertikaian itu termasuk fee jika ada, yang kena dibayar kepada penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara.

(4) Jika Pendaftar memutuskan untuk merujuk pertikaian itu kepada penimbangtaraan, dia boleh—

(a) merujukkannya kepada seorang penimbangtara sahaja yang dilantik olehnya sendiri; atau

(b) merujukkannya kepada tiga orang penimbangtara yang mana seorang daripadanya hendaklah dinamakan oleh tiap-tiap pihak pertikaian itu. dan orang yang ketiga hendaklah bertindak sebagai Pengerusi.

(5) Jika sesuatu pihak dalam pertikaian itu tidak menamakan seorang penimbangtara dalam masa yang ditetapkan oleh Pendaftar itu, Pendaftar boleh dengan sendirinya membuat penamaan itu.

(6) Keputusan Pendaftar dalam perlantikan dan penamaan seseorang penimbangtara adalah muktamad.


(7) Kos-kos dan perbelanjaan-perbelanjaan termasuk saraan dan fee yang kena dibayar kepada penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara hendaklah ditanggung dan dibayar oleh pihak atau pihak-pihak dalam pertikaian itu.





(8) Pendaftar, penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara adalah mempunyai kuasa untuk mcntadbir sumpah, menghendaki kehadiran semua pihak yang berkaitan dan saksi-saksi, dan untuk menghendaki pengeluaran semua buku dan dokumen yang berhubungan dengan perkara dalam pertikaian melalui suatu saman yang disampaikan secara lisan atau dihantar dengan tangan atau melalui pos berdaftar ke alamat terakhir pihak itu yang diketahui atau disampaikan oleh Mahkamah Majisteret yang terhampir yang mempunyai bidang kuasa bagi kawasan di mana Pertubuhan Peladang itu menjalankan urusannya.

(9) Pendaftar, penimbangtara atau, jika ada tiga orang penimbangtara, Pengerusi mengikut mana yang berkenaan, hendaklah merekodkan dalam bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris keterangan pihak-pihak dan saksi-saksi yang hadir, dan apabila keterangan itu direkodkan dan selepas pertimbangan sesuatu keterangan dokumentar yang dikemukakan oleh mana-mana pihak, sesuatu keputusan atau award, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah diberi oleh Pendaftar, penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara itu.



(10) Semasa ketidakhadiran sesuatu pihak yang telah disaman dengan sepenuhnya untuk menghadirinya, pertikaian itu bolehlah diputuskan, secara *ex-parte* .

(11) Dalam hal di mana tiga orang penimbangtara dilantik, pendapat majoriti hendaklah mengatasi.

(12) Award daripada Pendaftar, penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara hendaklah—

(a) secara bertulis;

(b) diberi tarikh dan ditandatangani oleh Pendaftar atau penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara;

(c) menyatakan amaun kos dan belanja-belanja jika ada, tidak termasuk saraan atau fee yang kena dibayar kepada penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara sebagaimana ditetapkan oleh Pendaftar di bawah ini, timbangtaraan, dan dengan mana pihak atau pihak-pihak dalam pertikaian itu dan pada kadar mana ianya perlu dibayar; dan

(d) menyatakan cara dan terma-terma pembayaran jika pertikaian itu menyentuh sesuatu hutang.


**(13) Penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara hendaklah dalam tempoh satu bulan dari tarikh pembicaraan muktamad atau dalam sesuatu tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang diluluskan oleh Pendaftar menghantar—**

**(a) suatu salinan award kepada pihak-pihak dalam pertikaian itu; dan**

**(b) suatu salinan award bersama dengan nota-nota keterangan dan alasan- alasan penghakiman kepada Pendaftar.**

**(14) Pendaftar boleh dalam tiap-tiap hal menetapkan saraan atau fee yang kena dibayar kepada penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara.**

**(15) Sesuatu rayuan oleh pihak yang terkilan terhadap keputusan atau award Pendaftar, penimbangtara atau penimbangtara-penimbangtara hendaklah disertakan dengan suatu deposit yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pendaftar.**



# 9. TATACARA TIMBANGTARA

## 1. Sebelum Permohonan Dibuat

- i) Tentukan Semua Dokumen Lengkap
- ii) Tersusun mengikut proses kerja
- iii) Maklumat mengenai SBH -Lengkap



# TATACARA TIMBANGTARA

## 2. Semasa Membuat Permohonan

- i) Borang Permohonan (P1) di isi dgn betul.
- ii) Sertakan Wang Pos/ Cek RM5.00
- iii) Di hantar kepada Pengarah LPP Negeri selaku Pendaftar  
(Dalam Urusan Timbangtara Di Negeri)



# TATACARA TIMBANGTARA

## 3. Pendaftar, Semasa Menerima Permohonan

i) Semak Borang untuk tentukan disempurnakan dgn betul.

ii) Tentuka samada terdapat course of action yang sah

iii) Melantik penimbangtara.



# TATACARA TIMBANGTARA

## 4. Penimbangtara Semasa Menerima Perlantikan

- i) Keluarkan Borang Saman untuk Perbicaraan dalam 3 salinan
- ii) Serah kepada Pemohon 2 salinan Asal, 1 simpan dalam fail khas timbangtara .



# TATACARA TIMBANGTARA

**5. Tindakan Pemohon Selepas Terima Borang saman.**

**i) Satu salinan dihantar kepada SBH secara serahan kediri atau AR Berdaftar**

**ii) Jika tidak dapat dikesan iklankan di surat khabar.**

**iii) Simpan dalam Fail Khas untuk timbangtara .**





# TATACARA TIMBANGTARA

## 6. Tindakan Pemohon Pada Hari Perbicaraan

- i) Tentukan Pemohon & SBH hadir.
- ii) Tunjukkan bukti penghantaran saman kepada SBH dihadapan penimbangtara.
- iii) Jika tiada bukti penghantaran Pemohon kena minta tangguh kepada tarikh lain.
- iv) Tunjukkan bukti-bukti pemberian hutang. ( dalam 2 salinan) .

# TATACARA TIMBANGTARA

## 7. Semasa Perbicaraan

- i) Penimbangtara tanya SBH sama ada mengaku atau tidak berhutang dgn PP.
- ii) Jika mengaku catatkan dan tanya kemampuan bayar arahkan mengisi Borang P6.
- iii) Catatkan kemampuan membayar dalam award.
- iv) Baca Award dan perintahkan bayar mengikut persetujuan. Jika Gagal bayar PP boleh enforce di mahkamah.



# TATACARA TIMBANGTARA

## 7. Semasa Perbicaraan

- i) Jika SBH TIDAK mengaku catatkan tidak mengaku.
- ii) Minta Pemohon kemukakan bukti dan beri satu salinan kepada SBH.
- iii) Minta SBH pertikaikan atau mengemukakan bukti lain yang menolak bukti pemohon.
- iv) Jika dalam perbicaraan hujah Pemohon Lebih kuat – Buat Award yang mengarahkan SHB membayar.
- v) Baca Award dan perintahkan bayar mengikut persetujuan. Jika Gagal bayar PP boleh enforce di mahkamah. ( sama seperti tuntutan sivil yang lain)
- vi) Jika hujah& bukti SBH lebih kukuh – tolak permohonan Pemohon

- TUNTUTAN HUTANG MELALUI MAHKAMAH BAGI HUTANG BUKAN AHLI



# 9. TUNTUTAN HUTANG MELALUI MAHKAMAH

## Pekeliling Pendaftar Mengenai Tuntutan Hutang Ahli Dan Bukan Ahli

1. PP 8/84 – 12 Mac 1984 Kertas Panduan Bagi Tindakan Ke Atas Siberhutang Perniagaan Bukan Ahli
2. PP 10/84 – 12 Mac 1984- Panduan Penyelesaian Pertikaian Di Pertubuhan Peladang.
3. PP 14/84 – 29 September 1984 – Panduan bagi Penjualan secara Kredit Untuk PPK



## 10. PROSES TUNTUTAN HUTANG BUKAN AHLI DI MAHKAMAH

Apabila Siberhutang tidak memberi maklum balas kepada PP terhadap segala peringatan hutang yang dikeluarkan oleh PP, maka PP akan melantik peguam untuk meneruskan tindakan selanjutnya seperti berikut-

- (a) Memfailkan Writ Saman & Penyata Tuntutan di mahkamah untuk perbicaraan.
- (b) Memohon Penghakiman atau penghakiman Ingkar
- (c) Memfailkan Pelaksanaan Penghakiman samaada -
  - (i) WRIT SITA & LELONG - ( O 32/O 47)
  - (ii) GARNISAN ( O 33/O
  - (iii) PERINTAH MEMERIKSA PEMILIKAN HARTA ( O37 / O48) & Akta Penghutang
  - (IV) PERINTAH MEMENJARAKAN ( O 34/ O 52)

## 11. PINJAMAN YANG BERGAGAR

1. Jika cagaran berupa geran tanah - Pastikan dimasukkan gadaian dan didaftar di pejabat Tanah Daerah.
2. Jika gadaian merupakan Tender/ sebut harga - Pastikan adanya **Suratcara Serahak Bayaran** yang di tandatangani dan disetemkan.

Pastikan juga **Pembayar Tender/sebut harga bersetuju secara bertulis akan serahhakan itu.**




## 12. HALANGAN-HALANGAN DALAM MEMBUAT TUNTUTAN

1. SEKSYEN 6 - Akta Had Masa 1953 & O31-2(1)(a)/ O 46-2(1)(a)  
- Tuntutan dalam **kontrak** atau **Tort** - dalam tempoh 6 Tahun.
2. Tiada Dokumen Utama sebagai bukti memberi perkhidmatan/barangan
3. Dokumen Utama tidak lengkap
4. Punca Kuasa tidak betul/ tidak sah
5. Perkhidmatan melanggar Undang-undang



# 13. Hirarki Mahkamah



## 14. CONTOH SURAT SUMPAH/AKUAN MEMBERI MAKLUMAT YANG BENAR

BAHAWASANYA SAYA .....  
NOMBOR KAD PENGENALAN .....  
DENGAN INI, SESUNGGUHNYA MENGAKU,  
BAHAWA SEMUA YANG SAYA KATAKAN DISINI  
ADALAH SEMUANYA BENAR, TIDAK ADA YANG  
TIDAK BENAR MELAINKAN BENAR BELAKA.



# 15. PENUTUP

1. Semoga pihak pengurusan PP dapat memahami Punca Kuasa, Struktur, Prosedur dan Proses dalam melaksanakan timbangtara dalam tuntutan hutang SBH Ahli.
2. Memahirkan Anggota LPP yang dijanjikan sebagai penimbangtara supaya dapat membuat keputusan betul dan yang sah di sisi Undang-undang.





**Terima  
kasih**